



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN

VERSI 2.0

BERKUATKUASA PADA APRIL 2017

**UNIT PENYELIDIKAN , INOVASI & KOMERSIALAN
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

A SECOND REVIEW : GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMANTAUAN PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN PKS

DEFINISI :

PEMANTAUAN bermaksud perbuatan atau tindakan memantau terhadap projek penting itu sentiasa dibuat atau memerhatikan dan memeriksa perkembangan (kemajuan, perjalanan dsb) sesuatu perkara, fenomena dsb secara kerap dan teliti, biasanya bertujuan utk mengawal, mencegah, memperbaiki, mengawasi dan sebagainya. (Kamus Bahasa Melayu , Dewan Bahasa dan Pustaka).

KAEDAH :

PKS memperkenalkan beberapa kaedah untuk memantau kemajuan dari tahap institusi dan individu. Kaedah ini termasuk rancangan strategik tahunan, pemantauan KPI dalam bidang penyelidikan dan inovasi pensyarah dan pelajar, pemantauan hasil penyelidikan dan inovasi menggunakan sistem pengkomputeran dari JPPKK dan pemantauan bajet dan proses kerja secara individu.

- Rancangan strategik tahunan
Perancangan strategik tahunan meliputi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dalam tahun tersebut.
- Pemantauan KPI dalam bidang penyelidikan dan inovasi
Segala hasil penyelidikan dan inovasi dan penyertaan staf di dalam mana-mana aktiviti tersebut akan di kumpul dan disusun untuk menghasilkan laporan pencapaian KPI bagi tahun semasa.
- Pemantauan hasil penyelidikan dan inovasi menggunakan sistem pengkomputeran
Pemantauan ini menggunakan sistem maklumat yang di arahkan oleh JPKK iaitu MyMohes untuk staf dan pelajar. Data yang diambil adalah dari data pencapaian KPI.
- Pemantauan bajet dan proses kerja secara individu
Pemantauan ini dibuat seiringan dengan projek penyelidikan dan inovasi yang menggunakan geran seperti PPRN, T-ARGS, FRGS dan lain-lain. Proses kerja dipantau menggunakan garis panduan yang tersedia untuk setiap geran tersebut. Carta Gantt digunakan untuk pemantauan proses kerja secara berkala oleh UPIK. Peserta geran perlu melaporkan secara berperingkat proses kerja kepada KUPIK. Hasil akhir produk akan diwar-warkan bersama pihak – pihak yang terlibat contohnya pengguna akhir dan pihak pengurusan PKS dan JPKK.

KRITERIA PEMANTAUAN

Pemantauan di peringkat insitansi akan dijalankan oleh UPIK PKS berdasarkan aspek-aspek di bawah.

i. Prestasi Kemajuan Projek

Bagi memastikan perlaksanaan projek/geran, UPIK dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemantauan projek dengan kedua-dua pihak (industry dan penyelidik institusi) bagi mematuhi tanggungjawab masing-masing seperti di bawah.

i. Industri/Perusahaan

- a. Membantu penyelidik institusi dalam memberi maklumbalas/komen tentang produk yang diusahakan dari masa ke semasa
- b. Mengisi Borang Maklumbalas Projek

ii. Penyelidik

- a. Mengisi dan menghantar Laporan Kemajuan Projek dengan pengesahan daripada UPIK
- b. Mengisi dan menghantar Laporan Akhir Projek dengan pengesahan oleh UPIK

ii. Prestasi Kewangan

Penyelidik dan industri perlu memastikan projek dilaksanakan dengan peruntukan yang dipersetujui dan sentiasa mematuhi kod etika kewangan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Sebarang perubahan kepada implikasi kewangan haruslah dilaporkan kepada UPIK untuk khidmat nasihat seterusnya. Bagi menggalakkan pelaksanaan projek yang cepat, penyelidik adalah dibolehkan untuk mendahulukan penggunaan wang dan membuat tuntutan balik. Walaubagaimana pun, penyelidik perlu mengikut kaedah dan peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Sekiranya geran projek berkenaan masih berbaki setelah projek selesai, penyelidik dibenarkan menggunakan baki peruntukan tersebut untuk menjalankan apa-apa kajian atau latihan berkaitan pembangunan produk projek berkenaan sekiranya wajar dan bersesuaian.

iii. Tempoh Projek

Sekiranya penyelidik mendapati projek yang akan dilaksanakan tersebut tidak mengikut garis waktu (timeline) yang ditetapkan, penyelidik boleh memohon pelanjutan tempoh dengan justifikasi yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat dibawah.

- a. pelanjutan projek sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tamat tempoh projek
- b. Penyelidik perlu mendapatkan persetujuan permohonan pelanjutan projek dari rakan kerjasama industri/perusahaan;

iv. Projek bermasalah/gagal

Projek bermasalah/gagal dikelaskan sesuatu projek yang diberikan kepada penyelidik namun projek tersebut tidak mempunyai kemajuan, projek tersebut akan ditamatkan serta penyelidik / rakan industri dan projek gagal diserahkan. Sekiranya berlaku konflik antara penyelidik dan rakan industri/perusahaan, projek tersebut akan ditamatkan dengan kos kerugian ditanggung oleh kedua-dua pihak dan justifikasi harus diberikan kepada UPIK untuk laporan ke mesyuarat pengurusan PKS.

PENILAIAN

Penilaian merupakan satu proses penyemakan sistematik terhadap rekabentuk, pelaksanaan dan/atau hasil sesuatu program/projek/aktiviti dan sebagainya. Penilaian bertujuan untuk memperoleh maklumat/data yang sah dan berguna bagi menentukan kepentingan serta impak sesuatu program. Maklumat yang diperoleh dijadikan input sebagai peningkatan kualiti program yang seterusnya.

Kriteria Penilaian

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) mengamalkan kriteria yang diiktiraf secara meluas untuk penilaian yang telah disyorkan oleh Development Assistance Committee (OECD):

Kerelevanan:

Tahap keperluan dan keutamaan terhadap pemegang amanah yang disasarkan serta situasi kontekstual.

Keberkesanan:

Sejauh mana suatu usaha telah mencapai objektifnya.

Impak:

Impak kumulatif dan/atau jangka panjang yang boleh menghasilkan perubahan positif atau negatif.

Kemapanan

Kemantapan manfaat yang diperolehi daripada suatu program secara berterusan.

Jenis Penilaian

PKS melaksanakan **DUA (2)** kategori penilaian secara meluas: penilaian desentralisasi dan penilaian luaran.

Penilaian desentralisasi merupakan penilaian sendiri. Penilaian sendiri dilakukan oleh pasukan pelaksana yang menganjurkan/mengadakan sesuatu projek, program, dan aktiviti. Walaupun penilaian sendiri mempunyai persamaan dengan fungsi pemantauan, penilaian akan mengutamakan kepada pertanyaan dan respons termasuk analisis kritis dan refleksi berdasarkan data yang dikumpulkan. Penilaian yang berbentuk sumatif akan dilaksanakan di akhir sesuatu program/projek/aktiviti bagi mengukur hasil/impak/sumbangan program tersebut bagi mencapai matlamat pembangunan program.

Penilaian luaran atau bebas dijalankan oleh penilai di luar pasukan pelaksana, memberikan penilaian secara objektif dan kepakaran teknikal. Penilaian luaran juga boleh melibatkan sasaran peserta program.

Pengurusan penilaian

PKS menggunakan kaedah mod campuran (kualitatif dan kuantitatif) dalam menjalankan penilaian program/projek/aktiviti. Rekabentuk, kaedah, pendekatan yang sesuai mengambil kira soalan penilaian pelaksanaan, keberkesanan dan penganjuran program sebagai piawaian. Jadual 1 menunjukkan komponen-komponen yang diambil kira dalam pengurusan penilaian.

Semua penilaian hendaklah mengandungi respons daripada pihak pengurusan berhubung dengan penemuan penilaian, kesimpulan cadangan yang diperolehi.

Jadual 1: Komponen dalam proses pengurusan penilaian

Komponen	Perkara
Masa	Ulasan di akhir sesuatu program/projek/aktiviti.
Skop	Menilai proses keseluruhan dan kemajuan program/projek/aktiviti terhadap objektif dan matlamat.
Peserta	Penilai/fasilitator luar, pengarah program, JK tertinggi program, pasukan pelaksana, sasaran peserta (pensyarah, pelajar), wakil peserta.
Proses	Pengumpulan data melalui borang penilaian keberkesanan program
Output	Penghasilan laporan yang meliputi cadangan untuk penambahbaikan.
Hasil analisis	Menentukan impak terhadap sasaran peserta dan melaras objektif untuk program seterusnya.

TINDAKAN PENILAIAN

Dari penilaian program, tindakan susulan akan bergantung kepada skor yang didapati.

Jadual di bawah mengandungi butiran berikut.


Bil	Skor	Tindakan (pilih yang paling relavan)
1	80-100	<ul style="list-style-type: none">➤ Digalakkan membida➤ Dalam pelan strategik➤ Akan disertai jikalau penyertaan dibuka➤ Akan disertai jikalau kewangan mencukupi➤ Akan diadakan jikalau ada keperluan➤ Akan diteruskan
2	50-79	<ul style="list-style-type: none">➤ Akan disertai jikalau ada permintaan
3	bawah 49	<ul style="list-style-type: none">➤ Tidak akan disertai lagi

Disediakan oleh :



.....
Dr. Lewis Liew Teo Piaw
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersialan,
Politeknik Kuching Sarawak.

Disahkan oleh :



.....
Kamaludin bin Daud
Pengarah,
Politeknik Kuching Sarawak.

88

88